MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN

ROLES AND RESPONSIBILITIES OF ASSISTANT MEDICAL OFFICER

STANDARD PRACTICE GUIDELINES

CAWANGAN PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN

CAWANGAN PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN

Hak cipta terpelihara. Mana-mana Bahagian penerbitan ini boleh diterbitkan semula secara bebas untuk kegunaan individu dengan syarat sumbernya diakui sepenuhnya. Walau bagaimanapun, pengeluaran semula penerbitan ini secara keseluruhannya untuk tujuan penjualan semula atau pengedaran semula memerlukan kebenaran daripada Ketua Pengarah, Kementerian Kesihatan Malaysia.

All rights reserved. Any part of this publication may be freely reproduced for individual uses provided the source is fully acknowledged. However, reproduction of this publication in whole part for purpose of resale or redistribution requires permission form the Director General, Ministry of Health Malaysia.

Dicetak / *Printed*
e ISBN 978-967-18696-8-0

Cetakan / *Printed* 2025

Diubahsuai dan dicetak semula
Edited and reprinted

Diterbitkan oleh
Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan
Bahagian Amalan Perubatan
Aras 6, Blok E1, Kompleks Kerajaan Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya
Tel: +603-8883 1370 | Faks: +603-8883 1490

Published by
Assistant Medical Officers Service Section
Medical Practice Division
Level 6, Block E1,
Parcel E Government Complex,
Federal Government Administrtive Centre,
62590 Putrajaya
Tel: +603-8883 1370 | Fax: +603-8883 1490

Dicetak oleh
Merah Print & Supply Sdn. Bhd.
No. 20 & 20A, Jalan 4/12A,
Seksyen 4 Tambahan,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan.
Tel: +603-8922 3140 | Faks: +603-8912 2770
Emel: merahprint.supply@yahoo.com

Printed by
Merah Print & Supply Sdn. Bhd.
No. 20 & 20A, Jalan 4/12A,
Seksyen 4 Tambahan,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan.
Tel: +603-8922 3140 | Fax: +603-8912 2770
Email: merahprint.supply@yahoo.com

ISI KANDUNGAN

PRAKATA KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA	4
PRAKATA KETUA PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN MALAYSIA	5
PENGHARGAAN	6
AHLI-AHLI JAWATANKUASA	7
GLOSARI	11
PENGENALAN PROFESION PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN	13
PERANAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN	14
TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN	15
A. PROGRAM KESIHATAN AWAM	15
B. PROGRAM PERUBATAN	18
1. PERKHIDMATAN KECEMASAN PERUBATAN DAN TRAUMA	18
2. PERKHIDMATAN PERUBATAN FORENSIK	22
3. PERKHIDMATAN ANESTESIA DAN RAWATAN KRITIKAL	23
4. PERKHIDMATAN PERUBATAN NUKLEAR	25
5. PERKHIDMATAN PERUBATAN AM	26
6. PERKHIDMATAN PERUBATAN RESPIRATORI	28
7. PERKHIDMATAN KARDIOLOGI	29
8. PERKHIDMATAN PEDIATRIK	31
9. PERKHIDMATAN PEDIATRIK KARDIOLOGI	32
10. PERKHIDMATAN NEFROLOGI	34
11. PERKHIDMATAN PSIKIATRI DAN KESIHATAN MENTAL	35
12. PERKHIDMATAN NEUROFISIOLOGI	36
13. PERKHIDMATAN DERMATOLOGI	37
14. PERKHIDMATAN PEMBEDAHAN AM	38
15. PERKHIDMATAN ORTOPEDIK	39
16. PERKHIDMATAN OBSTETRIK & GINEKOLOGI	40
17. PERKHIDMATAN OFTALMOLOGI	41
18. PERKHIDMATAN OTORINOLARINGOLOGI (ORL)	42
19. PERKHIDMATAN ENDOSKOPI	43
20. PERKHIDMATAN KARDIOTORASIK SURGERI	44
21. PERKHIDMATAN KARDIOTORASIK ANESTESIOLOGI DAN PERFUSI	45
22. PERKHIDMATAN PEMBEDAHAN PLASTIK DAN REKONSTRUKTIF	46
23. PERKHIDMATAN TANGAN DAN MIKROSURGERI	47
24. PERKHIDMATAN NEUROSURGERI	48
25. PERKHIDMATAN UROLOGI	49
26 PERKHIDMATAN PEMBEDAHAN VASKULAR	50

Prakata
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera,

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Buku Tugas dan Tanggungjawab Penolong Pegawai Perubatan ini. Buku ini merupakan satu langkah penting dalam usaha menambahbaik peranan dan tanggungjawab Penolong Pegawai Perubatan (PPP) di Malaysia, sesuai dengan perkembangan dan keperluan semasa dalam sektor kesihatan.

PPP adalah petugas barisan hadapan yang memainkan peranan penting dalam memberikan perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat sama ada dalam situasi kecemasan, penjagaan pesakit di hospital, mahupun klinik kesihatan, peranan PPP amat besar dan tidak dapat dinafikan. Justeru, penerbitan buku ini akan menjadi panduan yang jelas tentang tugas dan tanggungjawab PPP di dalam sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan Malaysia.

Saya percaya, dengan penerbitan buku ini, ia juga secara tidak langsung, akan menyumbang kepada penghasilan standard perkhidmatan yang lebih baik melalui kualiti penjagaan kesihatan yang disampaikan. Selain itu, ia juga diharap dapat menjadi sinergi kepada profesion PPP bagi mengekalkan tahap profesionalisme masing-masing. Menjadi harapan saya juga penerbitan buku ini boleh diterjemahkan sebagai titik permulaan kepada lain-lain inisiatif yang bakal dibangunkan, khususnya dalam meningkatkan kemahiran dan kompetensi PPP di dalam menghadapi cabaran dan perkembangan teknologi perubatan masa kini.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam penerbitan buku ini. Semoga ia memberi manfaat yang besar kepada kemajuan sistem kesihatan negara .

Sekian, terima kasih.

DATUK DR MUHAMMAD RADZI ABU HASSAN

ZULHELMI BIN ABDULLAH

Prakata

KETUA PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera,

Saya merakamkan ucapan syabas, tahniah dan penghargaan kepada semua pihak yang telah bekerja keras, menggembleng tenaga, idea dan pandangan dalam merealisasikan penerbitan Buku Tugas dan Tanggungjawab Penolong Pegawai Perubatan di Malaysia. Usaha ini juga merupakan satu inisiatif dan tindakan proaktif yang sangat penting dalam memastikan penyampaian perkhidmatan perubatan dan kesihatan di Malaysia berada pada tahap yang tinggi. Penghasilan buku ini bukan sahaja sebagai dokumen rujukan yang komprehensif tetapi juga cerminan dedikasi dan komitmen semua anggota PPP kepada profesion.

Penerbitan buku ini akan menjadi rujukan yang penting dan menjadi asas bagi PPP untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan berkesan.Sebagai Ketua Penolong Pegawai Perubatan Malaysia, saya berharap buku ini akan memberi manfaat bukan sahaja kepada PPP tetapi ia juga dapat dijadikan rujukan bagi ketua-ketua jabatan di dalam merangka dan membangunkan skop tugas baharu bagi PPP.

Akhir kata, saya menyeru akan semua PPP terus berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan seterusnya memastikan bahawa setiap pesakit menerima perkhidmatan yang terbaik. Terima kasih saya ucapkan kepada semua yang telah menyumbang dalam menjayakan penerbitan buku ini.

“Profesion Diperkasa, Rakyat Sejahtera”

Sekian, terima kasih.

Penghargaan

PENASIHAT

Zulhelmi bin Abdullah

KOORDINATOR

Alias bin Abu Hasan
M Shazan Amir bin Sakdon
Saiful Bahari bin Mohamad Shah
Nik Abd Afiq bin Abd Aziz
Engku Mohd Nazri bin Engku Mansor

EDITOR

Alias bin Hj Abu Hassan
Engku Mohd Nazri bin Engku Mansor
James Stanley Phang Hau
Jeevindran a/l Valaiyuthan
Mahadi bin Ismail
Muhammad Romzi bin Husain
Mohd Ashraf bin Ab Halim
Mohd Syukri bin Ruzlan
Mohd Nadzri bin Omar
Muhamad Aznoor bin Idris
Mohammad Affizi bin Ishak
Romina anak Bongsam
Rosli bin Ahmad
Shamsuri bin Mat
Syazrul Syahrin bin Said
Sitti Mawar Daratulain binti Mohd Yusof
Wan Ahmad Husaini bin Wan Mohd Hanafi @ Hanafi
Yap Yah Yun

Ahli-ahli JAWATANKUASA

KESIHATAN AWAM

Amin Zafri bin Abd Rahman
Mohd Fadzli bin Bidin
Mohd Lazim bin Kadir
Salimi bin Ismail
Zahrul Zamzuri bin Mohtar
Mahadi bin Ismail
Mohd Razif bin Sidek

PERKHIDMATAN PERUBATAN KECEMASAN DAN TRAUMA

Rosli bin Ahmad
Shamsuri bin Mat
Mohd Syukri bin Ruzlan
Izzad bin Mohd Idrus
Sitti Mawar Daratulain binti Mohd Yusof
Yap Yah Yun

PERKHIDMATAN RAWATAN PRA-HOSPITAL & AMBULANS (PRPA)

Muhammad Romzi bin Husain
Mohd Ashraf bin Ab Halim
Samsuri bin Md Isa
Muhammad Fadhlillah bin Mohammed

PERKHIDMATAN PERUBATAN FORENSIK

Muhamad Aznoor bin Idris
Mahyudin bin Ahmad
Mohajazaini bin Mohammad

PERKHIDMATAN ANESTESIA DAN RAWATAN KRITIKAL

Nanthakumar Munusamy
Kabir bin Atong @Abing Abd Hamid
Ariff Faizal bin Ariffin
Asnan bin Amirudin
Marzuki bin Mat Jusoh
Faizal bin Lajis
Goh Chiaw Hoi

PERKHIDMATAN PERUBATAN NUKLEAR

Syazrul Syahrin bin Said
Mohd Nazir bin Razali
Mohd Aidil Firdaus bin Nor Farizal
Saiful Rizal bin Sukar
Sazali Bin Ismail
Mohd Asmizi B. Mohamed
Anthenasius Teo @ Bobby

PERKHIDMATAN PERUBATAN RESPIRATORI

Mohd Suhaimi bin Muhaidar
Mohd Shahrizal bin Mohamed Tahir
Mohamad Taufik bin Mohd Zaid

PERKHIDMATAN KARDIOLOGI

Mohd Rahimi bin Abdullah
Gunachandran Veloo
Che Hassan bin Daud

PERKHIDMATAN PEDIATRIK

Tuah Nazli bin Ramli
Ahmad Aizuddin bin Baharuddin
Haszly bin Mahadi

PERKHIDMATAN PEDIATRIK KARDIOLOGI

Mohd Rahimi bin Abdullah
Sahrulfazli bin Nordin

PERKHIDMATAN NEFROLOGI

A Suhaili bin Shahri
Sarudin bin Zainul
Mohd Sulaiman bin Dalimi

PERKHIDMATAN PSIKIATRI DAN KESIHATAN MENTAL

Ahmad Syamsul bin Rezali
Mohd Amzari bin Jimat
Noraimishah bin Wahab

PERKHIDMATAN NEUROFISIOLOGI

Rosdi bin Zainol
Mohd Hapizi bin Che Hassan
Mohd Adly bin Che Dah
Mohd Fadzil bin Mat Daut
Mohd Haffiz bin Zairuni
Rahmansah bin Ramlan

PERKHIDMATAN DERMATOLOGI

Ahmad Fairul Azad bin Mohamad Hazlan
Mohd Khairul Azidi bin Ismail
Mohd Safuan bin Abdul Aziz

PERKHIDMATAN OUTPATIENT PARENTERAL ANTIMICROBIAL THERAPY (OPAT)

Mohamad Sufian bin Ahmad
Safiq bin Muhammad Firdaus
Abdul Quddus bin Azaludin

PERKHIDMATAN ORTOPEDIK

Mohd Nadzri bin Omar
Razieeyllah bin Ramli
Mohd Johari bin Yusof
Nordin bin Kamis
Zulkefli bin Baba
Fazil bin Awang

PERKHIDMATAN OBSTETRIK & GINEKOLOGI

Muhammad Syamsuddin bin Abdullah
Ahmad Shahlizan bin Mohd Ghazali

PERKHIDMATAN OFTALMOLOGI

Mohd Zawawi bin Zakaria
Jeevindran A/L Valaiyuthan
Noorhaslan bin Mohamad

PERKHIDMATAN OTORINOLARINGOLOGI (ORL)

Mohd Mazlan bin Mohamed Noor
Mohamad Faiizul bin Minan
Warazrai bin Abdul Wahab

PERKHIDMATAN ENDOSKOPI

Muhammad Anwaruddin bin Jumali
Che Mohamad Amran bin Che Omar
Zaman bin Mohamad

PERKHIDMATAN KARDIOTORASIK SURGERI

Khairul Anuar bin Mohamed
Mohd Azman bin Sabar
Mohd Taufik bin Aziz
Rohazien bin Arifin

PERKHIDMATAN KARDIOTORASIK ANESTESIOLOGI DAN PERFUSI

Hermi bin Safian
Eairin bin Hussin
Azli bin Ahmad

PERKHIDMATAN PEMBEDAHAN PLASTIK DAN REKONSTRUKTIF

Mohamad Sairul Hizam bin Muhamad Nazri
Mezehar bin Rasem @ Rasim

PERKHIDMATAN TANGAN DAN MIKROSURGERI

Anwar bin Abdul Razak
Muhammad Fikri bin Hashim

PERKHIDMATAN NEUROSURGERI

Mohd Fariz bin Mohd Zaini
Erizam bin Saidin

PERKHIDMATAN UROLOGI

Wan Ahmad Husaini bin Wan Mohd Hanafi @ Hanafi
Ruzizan bin Mohamed Yacob
Khairul Idham bin Awang
Mohd Hazzan Asri bin Amran
Ahmad Safri Mujaddid bin Yakub

PERKHIDMATAN PEMBEDAHAN VASKULAR

Shaifulbahri bin Muhammad
Mohd Fakrullah bin Ab Rahman

Glosari

Mengendalikan Peralatan Perubatan:
Berupaya menguasai, mengurus dan memasang komponen asas peralatan termasuk *user troubleshoot*, penjagaan dan penyelenggaraan peralatan perubatan.

First / second assistant:
Bertindak selaku pembantu kepada Pegawai Perubatan / Pakar didalam sesuatu prosedur sama ada sebagai pembantu utama (*First Assistant*) atau pembantu kedua (*Second Assistant*).

Middle Level Care Practitioner:
Penyedia perkhidmatan rawatan pesakit, menjalankan ujian diagnostik, rehabilitasi dan khidmat nasihat kesihatan yang terhad berbanding skop dan kompleksiti tugas Pegawai Perubatan.

Tadbir urus klinikal:
Pendekatan sistematik di dalam mengekal dan menambahbaik kualiti penjagaan pesakit dalam sistem kesihatan

Inter/Intra Fasiliti:
Pergerakan pesakit dari satu kemudahan ke kemudahan penjagaan kesihatan yang lain (Inter). Pergerakan pesakit dalam satu kemudahan penjagaan kesihatan yang sama (Intra). Ini boleh dilakukan melalui pengangkutan udara, air atau darat.

Smart partnership:
Kerjasama strategik antara dua atau lebih pihak yang menggabungkan sumber, kepakaran, dan inovasi untuk mencapai matlamat bersama.

Dekontaminasi:
Proses menghilangkan atau mengurangkan pencemaran bahan berbahaya, seperti kuman, virus, bahan kimia, atau radiasi, dari permukaan atau objek

Advokasi:
Usaha untuk menyokong, membela, atau memelihara hak, kepentingan, atau isu tertentu bagi individu, kelompok, atau komuniti. Ia bertujuan untuk mempengaruhi keputusan dan tindakan dalam bidang seperti dasar, perundangan, dan masyarakat.

Asertif:
Sikap atau tingkah laku yang menunjukkan keyakinan dan kebolehan untuk menyatakan pendapat, keperluan, atau hak seseorang dengan cara yang tegas tetapi tetap menghormati orang lain.

Intervensi:
Tindakan yang diambil untuk menangani masalah kesihatan, seperti rawatan perubatan, terapi psikologi, atau program pemulihan.

Invasif:
Prosedur yang melibatkan lapisan dalam kulit samada melalui hirisan,suntikan, tembakan laser,sebarang perbuatan menembusi kulit (walaupun tiada luka luaran), atau memasukkan sesuatu kedalam badan.

Bukan Invasif:
Prosedur luaran tanpa melalui hirisan, suntikan, tembakan laser,sebarang perbuatan menembusi kulit (walaupun tiada luka luaran), atau memasukkan sesuatu kedalam badan.

Kalibrasi:
Proses penyelarasan atau pengesahan ketepatan alat atau instrumen pengukuran.

Diagnostik:
Proses mengenal pasti atau menentukan penyakit, keadaan, atau masalah melalui pemeriksaan, ujian, dan analisis.

Hemodinamik:
Aliran darah dan tekanan dalam sistem kardiovaskular meliputi tekanan darah, isi padu sistolik dan ketahanan vaskular.

PENGENALAN PROFESION PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN

Penolong Pegawai Perubatan merupakan satu profesion yang penting dalam sistem penyampaian perkhidmatan perubatan dan kesihatan kepada rakyat Malaysia. Sejarah awal profesion ini dikenali sebagai *Apotekari* bermula pada tahun 1786. Pada 16 September 1889, satu memorandum oleh Gabenor Negeri-negeri Selat telah menukarkan nama jawatan Apotekari ini kepada *Sub Assistant Surgeon* atau lebih sinonim dengan panggilan *Dresser*. Fasa perubahan terus berlaku dengan nama *Dresser* sekali lagi ditukarkan kepada Pembantu Rumah Sakit (*Hospital Assistant*) pada tahun 1936. Sejarah pasca kemerdekaan, nama Pembantu Rumah Sakit ini sekali lagi ditukar kepada Pembantu Perubatan (*Medical Assistant*) iaitu pada tahun 1985. Kini, setelah menjalani beberapa perubahan seiring dengan peredaran zaman, nama profesion Pembantu Perubatan telah ditukar kepada Penolong Pegawai Perubatan pada tahun 2007 dan kekal hingga ke hari ini. Penolong Pegawai Perubatan berperanan penting dalam penyampaian perkhidmatan perawatan kesihatan dan perubatan kepada masyarakat berdasarkan lima teras tugas utama seperti berikut:

1. Merawat pesakit dalam skop yang ditetapkan.
2. Melakukan ujian dan saringan bagi tujuan diagnostik.
3. Mengendalikan peralatan perubatan untuk tujuan perawatan.
4. Mengendalikan program-program saringan di Kesihatan awam.
5. Mengendalikan perkhidmatan Pra-Hospital.

Penolong Pegawai Perubatan didaftarkan di bawah Akta 180, Akta Pembantu Perubatan (Pendaftaran) 1977 dan diselia oleh Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan (CPPPP), Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia. Pada awal 80an, pelatih yang berjaya menamatkan latihan dianugerahkan Sijil Pembantu Hospital, kemudiannya Sijil Pembantu Perubatan. Bermula 1998, sijil ini telah dinaiktaraf kepada Diploma Pembantu Perubatan .Selari dengan perancangan perkembangan profesion, silibus dan kaedah pembelajaran telah dikaji semula dan ditambahbaik bagi menghasilkan Diploma Sains Perubatan dan Kesihatan(DMHS) bagi perigkat diploma manakala Ijazah Sarjana Muda Sains Perubatan dan Kesihatan (BMHS) bagi peringkat ijazah pertama.

Ketika ini, Penolong Pegawai Perubatan bukan sahaja berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia tetapi juga di lain-lain agensi dan kementerian. Perkhidmatan ini dilaksanakan secara pinjaman perjawatan kader di Kementerian Pertahanan dan berkhidmat di Hospital Angkatan Tentera, Jabatan Penjara, Kementerian Pendidikan di Politeknik dan Universiti, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN). Selain pinjaman kader, terdapat juga Penolong Pegawai Perubatan yang berkhidmat sebagai anggota beruniform di Angkatan Tentera Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Di sektor swasta pula, khidmat Penolong Pegawai Perubatan tidak terhad kepada pengoperasian hospital dan klinik swasta sahaja, malah khidmatnya turut berkembang di sektor perladangan, perkapalan dan perindustrian lain termasuk industri minyak dan gas. Penolong Pegawai Perubatan yang berkhidmat di sektor-sektor ini kebanyakannya mempunyai kelayakan sebagai Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

PERANAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN

Penolong Pegawai Perubatan bertanggungjawab dalam menyampaikan perkhidmatan kesihatan sebagai *Middle Level Care Practitioner* di Kementerian Kesihatan Malaysia. Secara umumnya, Penolong Pegawai Perubatan berperanan dan bertanggungjawab di dalam memberikan perkhidmatan kesihatan di Malaysia dalam bidang promotif, preventif, kuratif, rehabilitatif dan paliatif.

Penolong Pegawai Perubatan di Program Kesihatan Awam berperanan dalam menyampaikan perkhidmatan merangkumi empat bidang iaitu Kesihatan Primer, Kesihatan Keluarga, Kesihatan Penyakit Berjangkit dan Kesihatan Penyakit Tidak Berjangkit. Manakala di Program Perubatan atau perkhidmatan sekunder, PPP berperanan menyampaikan perkhidmatan dalam tugas-tugas klinikal dan tadbir urus klinikal merangkumi perkhidmatan rawatan pra hospital, rawatan kes-kes kecemasan, kes-kes rujukan ke pelbagai perkhidmatan kepakaran dan sub-kepakaran tertentu serta perubatan forensik. Selain melaksanakan tugas-tugas klinikal, PPP juga melaksanakan tadbir urus klinikal (*Clinical Governance*) selari dengan aktiviti di peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia yang merangkumi enam (6) program teras iaitu Program Keberkesanan dan Audit Klinikal, Program Penglibatan Pesakit/ Pengguna Perkhidmatan dan Orang Awam / Komuniti, Program Pengurusan Risiko dan Keselamatan Pesakit, Program Pengurusan Perjawatan dan Kakitangan, Program Penambahbaikan Perkhidmatan dan Program Pembelajaran dan Perkongsian Maklumat.

A. PROGRAM KESIHATAN AWAM

PENGENALAN PROGRAM KESIHATAN AWAM

Penolong Pegawai Perubatan (PPP) memainkan peranan sebagai *middle level care practitioner* merangkumi aspek promosi kesihatan (*promotive*), pengesanan faktor risiko dan pencegahannya (*preventive*), rawatan (*curative*), pemulihan (*rehabilitative*) dan paliatif (*palliative*) mengikut keperluan umur ke arah taraf kesihatan yang baik, mengelakkan dari berlaku dan merebaknya penyakit serta menggalakkan proses perubahan sikap dan gaya hidup positif.[1]

PPP bertanggungjawab dalam aktiviti kawalan dan pencegahan penyakit berjangkit termasuk penyakit baru muncul, wabak penyakit, penyakit tidak berjangkit serta bencana dan lain-lain kejadian yang boleh mengancam kesihatan awam.[1]

PPP memainkan peranan penting dalam penyampaian penjagaan kesihatan primer yang meliputi lima komponen iaitu kesejahteraan kesihatan (*wellness*), rawatan penyakit (*illness*), kecemasan (*emergency*), sokongan klinikal (*clinical support*) serta pengurusan maklumat kesihatan dan klinikal (*clinical governance*). Perkhidmatan yang diberi adalah komprehensif meliputi semua peringkat umur mulai daripada lahir hingga ke akhir hayat (*from womb to tomb*) melalui pelbagai fasiliti kesihatan awam. Ia meliputi golongan masyarakat termasuklah anggota kesihatan yang dipantau status kesihatan melalui program-program kesejahteraan dan rawatan pesakit bagi memastikan penjagaan kesihatan yang berterusan.[1]

PPP memberikan perkhidmatan kesihatan di fasiliti-fasilti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta institusi dan agensi luar daripada pentadbiran KKM.[1]

SKOP TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB DI KESIHATAN AWAM

Penolong Pegawai Perubatan bertanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan kesihatan dalam skop yang ditetapkan kepada semua golongan masyarakat. Tugas-tugas yang dilaksanakan meliputi promosi kesihatan, saringan status kesihatan, intervensi, rawatan dan pemulihan kepada pesakit secara optimum kepada individu, berkumpulan atau kelompok masyarakat dalam aspek penjagaan kesihatan fizikal, mental dan sosial melalui perkhidmatan:[1]

i. Kesihatan Primer
ii. Kesihatan Keluarga
iii. Kawalan Penyakit Berjangkit dan Penyakit Tidak Berjangkit

Penolong Pegawai Perubatan di Kesihatan Awam bertanggungjawab dan berperanan:

1. Melaksana intervensi kepada golongan yang mempunyai faktor risiko dan masalah kesihatan sama ada secara farmakologi atau bukan farmakologi.6 Kes yang memerlukan rawatan lanjut akan dirujuk kepada Pegawai Perubatan atau profesional kesihatan yang berkenaan.[2,3,4]
2. Memberikan rawatan bagi kes-kes akut dan kronik serta kes-kes yang memerlukan rawatan susulan. Kes-kes yang kompleks dan kes-kes cicir rawatan akan dirujuk kepada Pegawai Perubatan atau Profesional Kesihatan untuk kesinambungan rawatan pesakit. [2,3,4]
3. Memberi rawatan serta melaksana prosedur diagnostik dan prosedur klinikal mengikut skop yang telah ditetapkan.[1]
4. Melatih golongan masyarakat yang terlibat secara langsung dalam penjagaan kesihatan ahli keluarga dan masyarakat untuk mendapatkan penjagaan rapi dan holistik.[8]
5. Menyelaras program kesihatan serta aktiviti-aktiviti yang melibatkan masyarakat, Badan Bukan Kerajaan (NGO).[1]
6. Membuat rujukan awal kes-kes penyakit berjangkit kepada Pegawai Perubatan supaya tindakan kawalan dan pencegahan dapat diambil dengan segera oleh pihak berkenaan.[2,3,4]
7. Memastikan kesiapsiagaan fasiliti, melakukan saringan gejala, mobilisasi pesakit, memantau proses dekontaminasi dan sebagainya di pusat-pusat saringan dan vaksinasi bagi program saringan serta kawalan penyakit berjangkit.[18]
8. Terlibat dalam aktiviti kesedaran dan advokasi mengenai pencegahan penderaan dan keganasan rumah tangga serta perkhidmatan *One Stop Crisis Centre* (OSCC) dan *Suspected Child Abuse and Neglect* (SCAN).[1]
9. Memberikan dan mengendali perkhidmatan kecemasan merangkumi rawatan kecemasan dan trauma, Perkhidmatan Rawatan Pra-Hospital dan Ambulans serta pengurusan bencana di dalam kawasan operasi klinik.[5]
10. Melaksanakan tugas atas panggilan selepas waktu operasi klinik dan perkhidmatan liputan pasukan perlindungan perubatan.[5,7]
11. Memberikan dan mengendali perkhidmatan klinik bergerak yang disampaikan melalui darat, air dan udara kepada masyarakat khususnya di kawasan pedalaman.[13]
12. Berkolaborasi dengan kumpulan masyarakat secara *smart partnership* termasuk swasta, NGO dan Badan Berkanun bagi menggalakkan penyertaan mereka dalam penjagaan kesihatan.[1]

Sumber rujukan:

[1]Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga. (2021). *Senarai Tugas Dan Tanggungjawab Penolong Pegawai Perubatan Program Kesihatan Awam (Peringkat Klinik Kesihatan)*. Kementerian Kesihatan Malaysia.
[2]Family Health Development Division. (2001). *Standard Operating Procedures For Medical Assistants in Primary Health Care Part 1*. Ministry of Health Malaysia.
[3]Family Health Development Division. (2003). *Standard Operating Procedures For Medical Assistants in Primary Health Care Part 2*. Ministry of Health Malaysia.
[4]Family Health Development Division. (2009). *Standard Operating Procedures For Medical Assistants in Primary Health Care Part 3*. Ministry of Health Malaysia.
[5]Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga. (2015). *Garis Panduan Perkhidmatan Kecemasan Dan Ambulans Di Fasiliti Kesihatan Primer*. Kementerian Kesihatan Malaysia.
[6]Government of Malaysia. (1952). *Poison Act 1952*.
[7]Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga. (2015). *Polisi Operasi Klinik Kesihatan*. Kementerian Kesihatan Malaysia.
[8]Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga. (2020). *Garis Panduan Perkhidmatan Perawatan Domisiliari Di Kesihatan Primer (Edisi 2)*. Kementerian Kesihatan Malaysia.
[9]Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga. (2015). *Garis Panduan Perkhidmatan Kesihatan Anggota Kesihatan (Paramedik) Di Institusi-Institusi Agensi Luar Kementerian Kesihatan Malaysia*. Kementerian Kesihatan Malaysia.
[10]Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga. (2015). *Polisi Operasi Klinik Bergerak 1 Malaysia (KB1M)-Bas & Bot*. Kementerian Kesihatan Malaysia.
[11]Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga. (2022). *Garis Panduan Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya di Klinik Kesihatan*. Kementerian Kesihatan Malaysia.
[12]Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga. (2021). *Garis Panduan Perkhidmatan Kesihatan Di Pusat Rawatan Politeknik*. Kementerian Kesihatan Malaysia.
[13]Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga. (2014). *Garis Panduan Klinik Bergerak*. Kementerian Kesihatan Malaysia.
[14]Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga. (2021). *Garis Panduan Perkhidmatan Kesihatan di Klinik Sekolah Sukan Malaysia*. Kementerian Kesihatan Malaysia.
[15]Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga. (2018). *Garis Panduan Pelaksanaan Tahap Kesakitan Sebagai Tanda Vital Kelima & Pengurusan Kesakitan Di Klinik Kesihatan*. Kementerian Kesihatan Malaysia.
[16]Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga. (2019). *Garis Panduan Perkhidmatan Penjagaan Luka Di Fasiliti Kesihatan Primer*. Kementerian Kesihatan Malaysia.
[17]Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga. (2022). *Garis Panduan Khidmat Berhenti Merokok Di Klinik Kesihatan (Edisi 2)*. Kementerian Kesihatan Malaysia.
[18]Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga. (2019). *Garis Panduan Kawalan Infeksi Di Fasiliti Kesihatan Primer*. Kementerian Kesihatan Malaysia.

B. PROGRAM PERUBATAN

1. PERKHIDMATAN KECEMASAN PERUBATAN DAN TRAUMA

Penolong Pegawai Perubatan di dalam Perkhidmatan Kecemasan Perubatan dan Trauma bertanggungjawab dan berperanan:

1.1. ZON SARINGAN / TRIAGE

1.1.1. Triage Primer

Melaksanakan saringan awal untuk menentukan tahap keterukan dan tahap jangkitan penyakit serta bertanggung jawab memberi intervensi awal dengan sewajarnya dan menetapkan pesakit di zon rawatan yang sesuai.[1, 2]

1.1.2. Triage Sekunder

Melaksanakan penilaian semula tahap keterukan, tahap jangkitan berdasarkan sejarah pesakit, tanda-tanda vital yang lengkap, memberi intervensi awal dengan sewajarnya seterusnya menghantar/menetapkan pesakit di zon rawatan yang sesuai.[1, 2]

1.2. ZON PERAWATAN ASMA

Melaksanakan pemeriksaan dan menilai tahap keterukan pesakit asma seterusnya memberi rawatan awal serta membuat penilaian semula selepas rawatan diberikan. Penilaian dan pemantauan berterusan kepada pesakit dilakukan bagi menentukan keperluan meneruskan rawatan atau merujuk kepada Pegawai Perubatan untuk pengurusan selanjutnya.[1,2]

1.3. ZON TIDAK KRITIKAL

Melaksanakan penilaian / pemeriksaan semula ke atas pesakit tidak kritikal bagi mengesan tanda dan gejala. Seterusnya melaksanakan pemeriksaan fizikal termasuk tanda-tanda vital, ujian diagnostik, pengambilan spesimen, penyediaan dan pemberian ubatan serta rawatan / intervensi yang bersesuaian.

PPP juga melaksanakan *Surveilans Triage* di ruang menunggu supaya pemantauan kepada pesakit dapat dilakukan secara berterusan.[1,2]

1.4. ZON SEPARA KRITIKAL

Melaksanakan penilaian/ pemeriksaan semula ke atas pesakit separa kritikal bagi mengesan tanda dan gejala. Seterusnya melaksanakan pemeriksaan fizikal termasuk tanda-tanda vital, ujian diagnostik, pengambilan spesimen, penyediaan dan pemberian ubatan serta rawatan / intervensi yang bersesuaian.[1,2]

1.5. ZON KRITIKAL

Melaksanakan resusitasi, intervensi awal dan menstabilkan keadaan pesakit kritikal, seterusnya melaksanakan pemeriksaan fizikal termasuk tanda-tanda vital, ujian diagnostik, pengambilan spesimen, penyediaan dan pemberian ubatan serta rawatan / intervensi yang bersesuaian dan pengendalian peralatan khusus (invasif / bukan invasif).[1, 2]

1.6. ZON DEKONTAMINASI DAN ISOLASI

Melaksanakan '*dry or wet decontamination*' berdasarkan kepada keadaan pesakit dengan pemakaian '*Personal Protective Equipment'* (PPE) yang bersesuaian. Seterusnya melaksanakan pemeriksaan dan memberi rawatan awal yang sewajarnya.[1, 2]

1.7. PUSAT KRISIS BERSEPADU ATAU ONE STOP CRISIS CENTRE (OSCC)

Terlibat secara langsung dalam pengurusan kes-kes OSCC seperti kes cabul, rogol, sodomi, penderaan dan keganasan rumah tangga serta mengendalikan spesimen kes OSCC mengikut garis panduan yang ditetapkan.[3]

1.8. BILIK PROSEDUR

Bertanggungjawab dalam proses kerja sebelum, semasa dan selepas prosedur termasuk pemberian pendidikan kesihatan kepada pesakit. Prosedur-prosedur yang dilaksanakan seperti *Toilet and Suturing, Incision and Drainage*, *dressing*, *Catheter Bladder Drainage* (CBD), *Foreign Body Removal*, *Eye Irrigation* dan lain-lain.[1, 2]

1.9. *POINT OF CARE TESTING* (POCT)

Melaksanakan ujian diagnostik perubatan, interpretasi dan analisis awal keputusan ujian sebelum merujuk kepada Pegawai Perubatan untuk tindakan lanjut, serta memastikan peralatan dan mesin diagnostik sentiasa berada dalam keadaan sedia digunakan.[4]

1.10. WAD PEMERHATIAN

Melaksanakan prosedur-prosedur khas klinikal dan membuat pemantauan atas Laporan Kejururawatan pesakit yang disediakan oleh Jururawat di Wad Pemerhatian.[1]

1.11. UNIT HEMODINAMIK DAN RESPIRATORI

Mengendalikan peralatan bantuan pernafasan dan peralatan perubatan yang berkaitan serta menetapkan parameter mengikut piawaian keperluan semasa.[5]

1.12. PERKHIDMATAN RAWATAN PRA-HOSPITAL & AMBULANS (PRPA)

1.12.1. Perkhidmatan Pengurusan Panggilan Kecemasan 999

a Mengendalikan panggilan kecemasan melalui sistem sedia ada atau melalui talian terus dan menilai tahap keutamaan panggilan tersebut.[6,7]

b Memberikan arahan pra-tiba *Dispatch Life Support* (DLS) kepada pemanggil bagi memastikan pesakit mendapat bantuan awal sebelum pasukan respon ambulans tiba.[7]

c Mengurus dan mengaktifkan pasukan responder ambulans dengan menggunakan sistem *Geographical Information System* (GIS).

1.12.2. Perkhidmatan Ambulans Kecemasan

a Bersiap siaga bagi menerima tugasan dan bertindak sebagai ketua pasukan responder ambulans kecemasan.[6]

b Melaksanakan pemeriksaan ambulans dan pengendalian ke atas peralatan yang berkaitan supaya berfungsi dengan baik dan siap sedia digunakan serta melaporkan kerosakan kepada pegawai atasan.

c Melaksanakan penilaian dan perawatan awal, membuat intervensi klinikal, melakukan pemantauan secara berterusan, mendokumentasikan penemuan seterusnya berkomunikasi dengan Pusat Panggilan Perubatan Kecemasan.[7]

1.12.3. Perkhidmatan Ambulans Interfasiliti dan Intrafasiliti

a Menguruskan permohonan ambulans mengikut keperluan dan menyediakan ambulans yang bersesuaian.[7,8]

b Melaksanakan penilaian, intervensi klinikal, pemantauan secara berterusan keatas pesakit, mendokumentasikan penemuan dan melaporkan kepada Pusat Panggilan Perubatan Kecemasan sekiranya perlu.[7,8]

c Pengendalin ke atas peralatan yang berkaitan supaya berfungsi dengan baik dan siap sedia digunakan.

1.12.4. Perkhidmatan *Critically Ill Patient Escort & Retrieval*

a Melaksanakan penilaian, perawatan awal, resusitasi serta pemantauan ke atas pesakit sebelum, semasa dan selepas pemindahan pesakit.

b Mendokumentasi dan melaporkan keadaan semasa pesakit kepada Pusat Panggilan Perubatan Kecemasan.[7,8]

1.12.5. Perkhidmatan Pasukan Perlindungan Perubatan

a Menguruskan permohonan, memastikan aktiviti lawatan tapak dan melaksanakan analisis risiko.[10]

b Menyediakan pasukan dan peralatan yang lengkap berdasarkan hasil penilaian risiko.

c Melakukan penilaian dan perawatan awal ke atas individu yang dilindungi serta mendokumentasi penemuan klinikal dan melaporkan kepada Pusat Panggilan Perubatan Kecemasan.

d Menyediakan laporan setiap aktiviti perlindungan perubatan.

1.12.6. Perkhidmatan Pengurusan Kejadian Bencana dan *Mass Casualty Incident*

a Sebagai pasukan peninjau dan pasukan sokongan di lokasi kawasan kejadian bencana / insiden mengikut garis panduan yang ditetapkan.

b Sebagai *Triage Officer*, *Communication Officer*, *Medical Search and Rescue Officer* dan *Liaison Officer*. Penolong Pegawai Perubatan juga akan melakukan tugasan di *Casualty Collecting Area*, dan Zon Klinikal Bencana serta melakukan tugasan klinikal berkaitan perawatan pesakit.

c Merekod aset, mangsa dan sumber manusia atau sebarang maklumat penting di dalam operasi bencana / insiden serta bertindak menjaga keselamatan pesakit, pasukan dan aset yang digunakan semasa operasi bencana.[9]

Sumber rujukan:

[1]Medical Development Division. (2012). *Emergency Medicine and Trauma Services Policy*. Ministry of Health Malaysia.

[2]Assistant Medical Officer Service Section, Medical Practice Division. (2023). *Standard Practice Guidelines for Assistant Medical Officer in Emergency Medicine and Trauma Services*. Ministry of Health Malaysia.

[3]Medical Development Division. (2015). *One Stop Crisis Center: Policy and Guidelines for Hospitals*. Ministry of Health Malaysia.

[4]Medical Development Division. (2012). *National Point of Care Testing (POCT) Policy and Guidelines*. Ministry of Health Malaysia.

[5]Assistant Medical Officers Services, Section Medical Practice Division. (2022). *Standard Practice Guidelines Assistant Medical Officers in Anaesthesia & Intensive Care Services: Anaesthetic Assistant & Technologists (AAT) Intensive Care Technologists (ICT)*. Ministry of Health Malaysia.

[6]Jabatan Kesihatan Negeri Selangor. (2018). *Garis Panduan Dan Polisi Perkhidmatan Rawatan Pra Hospital Dan Ambulans (Edisi 2)*.

[7]Kementerian Kesihatan Malaysia. (2013). *Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil:10/2013 Garis Panduan Penubuhan Unit Perkhidmatan Pra Hospital Di Jabatan Kecemasan Dan Trauma Hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia*.

[8]Bahagian Perkembangan Perubatan. (2009). *Pekeliling Ketua Pengarah kesihatan Bil: 2/2009 Garispanduan Rujukan Dan Perpindahan Pesakit Di Antara Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan.*

[9]Bahagian Kawalan Penyakit. (2015). *Pelan Pengurusan Krisis dan Bencana Peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia.*

[10]Kementerian Kesihatan Malaysia. (2007). *Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil: 2/2007 Liputan Pasukan Perlindungan Perubatan dan Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia.*

2. PERKHIDMATAN PERUBATAN FORENSIK

Penolong Pegawai Perubatan di dalam Perkhidmatan Perubatan Forensik bertanggungjawab dan berperanan:

2.1. Merekod dan melaksanakan proses penerimaan, penyimpanan, pengecaman serta penyerahan mayat dan anggota badan kepada waris atau pihak yang diberi kuasa.[1]

2.2. Menjalankan pemeriksaan berkala dan merekod suhu peti sejuk mayat untuk memastikan ia sentiasa berfungsi dengan baik dan sentiasa dalam keadaan bersedia.[1]

2.3. Membantu Pegawai Perubatan / Pakar dalam prosedur *Postmortem, Clinical Forensic Examination, Crime Scene Investigation, Anthropology, Exhumation, Organ Harvesting* dan *Disaster Victim Identification*.[1]

2.4. Mengendalikan peralatan dan bilik pemeriksaan mengikut garis panduan yang ditetapkan.[1]

2.5. Mengendalikan semua proses penyediaan, pengambilan, perekodan, dan penyimpanan *Forensic Photography* dengan selamat mengikut garis panduan yang ditetapkan .[1]

2.6. Mengendalikan spesimen mengikut kaedah *Chain of Custody* semasa prosedur *Specimen Medicolegal Handling*.[1]

Sumber rujukan:

[1]Medical Development Division. (2012). *Standard Operating Procedures of Forensic Medicine Services*. Ministry of Health Malaysia.

3. PERKHIDMATAN ANESTESIA DAN RAWATAN KRITIKAL

Penolong Pegawai Perubatan di dalam Perkhidmatan Anestesia dan Rawatan Kritikal bertanggungjawab dan berperanan:

3.1. Anestesia

3.1.1. Melaksanakan atau membantu prosedur pemberian anestesia di dalam dan di luar Dewan Bedah untuk kes pembedahan dan diagnostik mengikut tatacara dan garis panduan semasa.[1,3 5]

3.1.2. Menyediakan pesakit, peralatan dan ubat-ubatan anestesia sebelum, semasa dan selepas prosedur pembiusan am, setempat dan prosedur khas.[1,3]

3.1.3. Mengendalikan Klinik Anestesiologi dengan melakukan penyaringan pesakit yang akan menjalani pembedahan elektif dan memberikan janji temu mengikut keperluan.[1]

3.1.4. Membantu Pegawai Perubatan / Pakar dengan penyediaan pesakit dan peralatan sebelum, semasa dan selepas prosedur bagi pesakit kesakitan kronik di Klinik Kesakitan Kronik dan Dewan Bedah.

3.1.5. Melaksanakan pemeriksaan, kalibrasi dan pengendalian ke atas peralatan yang berkaitan supaya berfungsi dengan baik dan siap sedia digunakan. [1,3 5]

3.1.6. Melaksanakan aktiviti *cold sterilization* bagi semua peralatan kecil yang tidak dapat disucihamakan.[1,3]

3.1.7. Memastikan pesakit dan peralatan dalam keadaan baik serta selamat sebelum, semasa dan selepas proses pergerakan atau pemindahan intra / inter hospital.[1,4,5]

3.2. Peri Anestesia

3.2.1. Membantu dalam pemberian anestesia di dalam dan luar Dewan Bedah untuk kes pembedahan dan diagnostik mengikut tatacara dan garis panduan semasa.[2,3]

3.2.2. Membantu Pegawai Perubatan / Pakar di dalam penyediaan pesakit, peralatan dan ubat-ubatan sebelum, semasa dan selepas pembiusan am, pembiusan setempat dan prosedur khas.[2,3,5]

3.2.3. Mengendalikan peralatan yang berkaitan supaya berfungsi dengan baik dan siap sedia digunakan.[2,3]

3.2.4. Melaksanakan aktiviti *reprocessing* dan *cold sterilization* bagi peralatan tercemar yang tidak dapat disucihamakan bagi mengelakkan jangkitan silang.[2,3]

3.3. Rawatan Kritikal

3.3.1. Melaksanakan perkhidmatan sokongan ventilator dan prosedur klinikal di Unit Rawatan Kritikal dan wad mengikut tatacara dan garis panduan semasa.[2,3,5]

3.3.2. Melaksanakan penyediaan pesakit, peralatan respiratori dan hemodinamik sebelum, semasa dan selepas bagi prosedur klinikal rutin dan khas.[2,5]

3.3.3. Melaksanakan aktiviti *reprocessing* dan *cold sterilization* bagi peralatan tercemar yang tidak dapat disucihamakan bagi mengelakkan jangkitan silang.[2,3]

3.3.4. Mengendalikan peralatan yang berkaitan supaya berfungsi dengan baik dan siap sedia digunakan.[2,3,5]

3.3.5. Memastikan pesakit dan peralatan dalam keadaan baik serta selamat sebelum, semasa dan selepas proses pergerakan atau pemindahan intra / inter hospital.[2,4,5]

Sumber rujukan:

[1]Assistant Medical Officers Services, Section Medical Practice Division. (2024). *Standard Practice Guidelines Assistant Medical Officers in Anaesthesiology and Intensive Care Services for Sabah and Sarawak-Anaesthesia Technologist (AT)*. Ministry of Health Malaysia.

[2]Assistant Medical Officers Services, Section Medical Practice Division. (2022). *Standard Practice Guidelines Assistant Medical Officers in Anaesthesia & Intensive Care Services: Anaesthetic Assistant & Technologists (AAT) Intensive Care Technologists (ICT)*. Ministry of Health Malaysia.

[3]Medical Care Quality Section, Medical Development Division. (2018). *Policies and Procedures on Infection Prevention and Control (3rd ed)*. Ministry of Health Malaysia.

[4]College of Anaesthesiologists, Academy of Medicine of Malaysia. (2016). *Recommendations of Minimum Standards for Inter-Facility Transport of the Critically Ill Patients*. Ministry of Health Malaysia.

[5]Medical Development Division. (2013). *Anaesthesia & Intensive Care Service Operational Policy (2nd ed)*. Ministry of Health Malaysia.

4. PERKHIDMATAN PERUBATAN NUKLEAR

Penolong Pegawai Perubatan di dalam Perkhidmatan Perubatan Nuklear bertanggungjawab dan berperanan:

4.1. Melaksanakan tugas penyaringan awal rujukan kes baru dan menjadualkan tarikh janji temu klinik mengikut keperluan (*urgent / non-urgent*) seperti yang diarahkan oleh Pegawai Perubatan / Pakar.

4.2. Melaksanakan tugas menyemak borang permohonan rawatan Kanser Tiroid, Hipertiroid, kajian / pengimejan radionuklid dan pengimejan *Positron Emission Tomography-Computed Tomography* (PET-CT) yang lengkap seterusnya memberi tarikh janji temu mengikut keperluan.[3]

4.3. Melaksanakan kaunseling persediaan pesakit hipertiroid dan kanser tiroid sebelum rawatan Radioiodine .[3]

4.4. Melaksanakan ujian saringan kehamilan (*Urine Pregnancy Test*) ke atas pesakit mengikut prosedur yang telah ditetapkan sebelum pengimejan dan pemberian rawatan Radioiodin.[1,2]

4.5. Melaksanakan pemberian ubatan sedatif, agen diuretik, suntikan bahan radioaktif dan suntikan *Intramuscular* (IM) *Thyrogen* kepada pesakit seperti yang diarahkan .[3]

4.6. Melaksanakan ujian *Physical & Pharmacological Stress Test* bersama Pegawai Perubatan/Pakar sebelum pengimejan jantung.[2]

4.7. Melaksanakan pengimejan dengan menggunakan Kamera Gamma, *Single Photon Emission Computed Tomography-Computed Tomography* (SPECT-CT), *Positron Emission Tomography-Computed Tomography* (PET-CT) dan *Cardiac Dedicated*, serta prosedur yang menggunakan *Technegas & Gamma Counter/Well Counter*.[2,3]

4.8. Melaksanakan pemprosesan data dan imej bagi tujuan pelaporan oleh Pegawai Perubatan / Pakar.[2]

4.9. Mengendalikan peralatan perubatan yang berkaitan agar berfungsi dengan baik dan siap sedia digunakan.[2,3]

Sumber rujukan:

[1]Goverment of Malaysia. (1984). *Atomic Energy Licensing Act 1984 (Act304)*.
[2]Medical Assistant Board. (2008). *Standard Operating Procedures for Assistant Medical Officer in Nuclear Medicine*. Ministry of Health Malaysia.
[3]Kementerian Kesihatan Malaysia. (2017). *Pekeliling Keperluan Latihan Untuk Personel Dalam Perkhidmatan Perubatan Nuklear Di Bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (atau Akta 304)*.

5. PERKHIDMATAN PERUBATAN AM

Penolong Pegawai Perubatan (PPP) dalam Perkhidmatan Perubatan Am bertanggungjawab dan berperanan:

5.1. Melaksanakan saringan kes mengikut keutamaan dan menjadualkan janji temu mengikut tarikh yang diarahkan oleh Pegawai Perubatan / Pakar.

5.2. Mengendalikan peralatan perubatan yang berkaitan agar berfungsi dengan baik dan siap sedia digunakan.[1,2,3,4,5]

5.3. Melaksanakan prosedur perubatan yang tidak kompleks, seperti memberikan suntikan, mengambil sampel cecair tubuh badan, penyediaan dan pemberian ubatan atas arahan Pegawai Perubatan / Pakar.[1,2,3,4,5]

5.4. Menilai keadaan awal pesakit, termasuk mengambil sejarah perubatan, melakukan pemeriksaan fizikal, vital sign dan merekodkan maklumat penting.[1,2,3,4,5]

5.5. Membantu Pegawai Perubatan / Pakar dalam merancang dan melaksanakan pelan rawatan untuk pesakit, serta memastikan penjagaan yang berterusan.[1,2,3,4,5]

5.6. Memberikan maklumat dan pendidikan kepada pesakit dan keluarga mengenai keadaan kesihatan, rawatan, dan pencegahan penyakit.[1,2,3,4,5]

5.7. Merekodkan maklumat perubatan dengan teliti dalam rekod kesihatan pesakit, termasuk kemajuan rawatan dan tindak balas terhadap terapi.[1,2,3,4,5]

5.8. PERKHIDMATAN *OUTPATIENT PARENTERAL ANTIMICROBIAL THERAPY* (OPAT)

5.8.1. Melaksanakan penilaian psikososial serta menjalankan penilaian Intravenous access seperti *Intravenous Cannulation, Scalp Vein Catheterization* dan *Peripheral Venous Catheter* (*Midline Catheter / Peripheral Intravenous Central Catheter*) ke atas pesakit yang telah dirujuk oleh Pegawai Perubatan atau Pakar ke unit OPAT.[3]

5.8.2. Pemberian ubatan intravena *Antimicrobial* secara selamat kepada pesakit mengikut preskripsi oleh Pegawai Perubatan / Pakar.

5.8.3. Memberikan pendidikan kesihatan kepada pesakit dan ahli keluarga tentang penggunaan *Antimicrobial*, tanda-tanda jangkitan yang perlu diawasi, dan penjagaan akses intravena.

5.8.4. Menilai dan mendokumentasi tahap kesihatan pesakit secara rutin, mengesan reaksi alahan, tanda-tanda jangkitan dan kesan sampingan Antimicrobial.

5.8.5. Merujuk pesakit kepada Pegawai Perubatan / Pakar sekiranya tahap kesihatan pesakit tidak stabil.

Sumber Rujukan:

[1]Medical Development Division. (2016). *Gastroenterology Services Operational Policy*. Ministry of Health Malaysia.
[2]Medical Assistants Board. (2020). *Standard Operating Procedure for Assistant Medical Officers in Haemodialysis (2nd ed)*. Ministry of Health Malaysia.
[3]Bahagian Perkembangan Perubatan. (2024). *Garis Panduan Perkhidmatan Outpatient Parenteral Antimicrobial Therapy (OPAT) di Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (1st ed)*. Kementerian Kesihatan Malaysia
[4]Medical Assistants Board. (2006). *Standard Operating Procedures for Medical Assistants in Cardiology*. Ministry of Health Malaysia.
[5]Medical Development Division. (2021). *Clinical Practice Guidelines Management Of Tuberculosis (4th ed)*. Ministry of Health Malaysia.

6. PERKHIDMATAN PERUBATAN RESPIRATORI

Penolong Pegawai Perubatan dalam perkhidmatan Perubatan Respiratori bertanggungjawab dan berperanan:

6.1. Melaksanakan saringan kes mengikut keutamaan dan menjadualkan janji temu mengikut tarikh yang diarahkan oleh Pegawai Perubatan / Pakar.
6.2. Mengendalikan peralatan perubatan yang berkaitan agar berfungsi dengan baik dan siap sedia digunakan.
6.3. Mengendalikan prosedur Ujian Fungsi Paru-Paru (*Lung Function Test*), Permasalahan Tidur Respiratori (*Respiratory Sleep Disorder*), Pengurusan Tibi dan Program *Home Non-Invasive Ventilator* (Home NIV).
6.4. Membantu Pegawai Perubatan / Pakar di dalam prosedur *Thoracic Endoscopy* serta melaksanakan penjagaan pesakit sebelum dan selepas prosedur.
6.5. Menganalisis dan melaporkan keputusan pemeriksaan ujian kepada Pegawai Perubatan / Pakar.
6.6. Memberi kaunseling kepada pesakit-pesakit Tibi dan kontak rapat pesakit serta memberi pendidikan kesihatan kepada mereka.

Sumber rujukan:

[1]Graham, B. L., Steenbruggen, I., Miller, M. R., Barjaktarevic, I. Z., Cooper, B. G., Hall, G. L., Hallstrand, T. S., Kaminsky, D. A., McCarthy, K., McCormack, M. C., Oropez, C. E., Rosenfeld, M., Stanojevic, S., Swanney, M. P., & Thompson, B. R. (2019). *Standardization of Spirometry 2019 Update. An Official American Thoracic Society and European Respiratory Society Technical Statement*. American journal of respiratory and critical care medicine, 200(8), e70–e88. https://doi.org/10.1164/rccm.201908-1590ST

[2]Medical Development Division. (2021). *Clinical Practice Guidelines Management Of Tuberculosis (4th ed)*. Ministry of Health Malaysia.

[3]Du Rand, I. A., Barber, P. V., Goldring, J., Lewis, R. A., Mandal, S., Munavvar, M., Rintoul, R. C., Shah, P. L., Singh, S., Slade, M. G., Woolley, A., & British Thoracic Society Interventional Bronchoscopy Guideline Group (2011). *British Thoracic Society guideline for advanced diagnostic and therapeutic flexible bronchoscopy in adults*. Thorax, 66 Suppl 3, iii1–iii21. https://doi.org/10.1136/thoraxjnl-2011-200713

[4]American Academy of Sleep Medicine. (2023) *The AASM Manual for the Scoring of Sleep and Associated Events Rules, Terminology and Technical Specifications* (3rd ver)

[5]Malaysian Thoracic Society. (2023). *Basic Lung Function Test*.

7. PERKHIDMATAN KARDIOLOGI

Penolong Pegawai Perubatan di dalam perkhidmatan Kardiologi bertanggungjawab dan berperanan:

7.1. Melaksanakan saringan kes mengikut keutamaan dan menjadualkan janji temu mengikut tarikh yang diarahkan oleh Pegawai Perubatan / Pakar.

7.2. Melaksanakan prosedur kardio diagnostik seperti *Electrocardiography* (ECG), *Exercise Stress Test** (*Treadmill*), *Dobutamine Stress Echocardiography* (*Pharmacological*), *Exercise Stress Echocardiography*, *Ambulatory Electrocardiography Monitoring** (Ujian *Holter*), *Ambulatory Blood Pressure Monitoring* (ABPM), *Tilt Table Test* dan *Echocardiography* mengikut Standard Operating Procedure yang ditetapkan. Antara prosedur *Echocardiography* meliputi *Transthoracic Echocardiography* (TTE 2D Echo), *Advanced Echocardiography* (3D, TDI, Strain Study), *Portable Echocardiography*.

7.3. Mengendalikan peralatan perubatan yang berkaitan agar berfungsi dengan baik dan siap sedia digunakan.

7.4. Membantu pakar bagi prosedur *Transesophageal Echocardiography* (TOE).

7.5. Mengendalikan *interrogation*, *programming* and *reprogramming of the implantable devices* dan merekod serta melaporkan sebarang keabnormalan kepada Pegawai Perubatan / Pakar.

7.6. Melaksanakan penilaian status hemodinamik pesakit dan prosedur invasif yang berkaitan di Makmal Invasif Kardiologi seperti *Transducer Set-up* & *Calibration* dan memaklumkan kepada Pakar sekiranya terdapat sebarang keabnormalan.

7.7. Membantu dalam prosedur invasif seperti *Diagnostic Angiography* (*Coronary/Peripheral Angiogram*), *Cardiac Catheterization* (*Left & Right Heart Catheterization*), *Cardiovascular Implantable Electronic Devices* (CIED), *Interventional* (*Percutaneous Coronary Intervention, Device Closure, Percutaneous Peripheral Angioplasty* dan *Structural Heart Intervention*), *Electrophysiology Study & Radiofrequency Ablation*.

7.8. Mengendalikan mesin *Adjunctive Invasive Procedure* serta menilai keadaan pesakit dan membantu bagi prosedur seperti *Intra-Aortic Balloon Pump* (IABP), *Intravascular Ultrasound* (IVUS), *Optical Coherence Tomography* (OCT), *Resting Flow Reserve* (RFR), *Fractional Flow Reserve*** (FFR/iFR), *Quantification Flow Reverse* (QFR), *Transcatheter Aortic Valve Implantation* (TAVI), *Rotational Atherectomy* (PTCRA), *Left Atrial Appendage Occluder* (Watchman).

Sumber rujukan:

[1]Medical Assistants Board. (2006). *Standard Operating Procedures for Medical Assistants in Cardiology.* Ministry of Health Malaysia.
[2]National Heart Association of Malaysia. (2018). *NHAM Transthoracic Echo Guide 2018*.
[3]Reményi, B., Wilson, N., Steer, A., Ferreira, B., Kado, J., Kumar, K., Lawrenson, J., Maguire, G., Marijon, E., Mirabel, M., Mocumbi, A. O., Mota, C., Paar, J., Saxena, A., Scheel, J., Stirling, J., Viali, S., Balekundri, V. I., Wheaton, G., Zühlke, L., … Carapetis, J. (2012). *World Heart Federation criteria for echocardiographic diagnosis of rheumatic heart disease--an evidence-based guideline*. Nature reviews. Cardiology, 9(5), 297–309. https://doi.org/10.1038/nrcardio.2012.7

8. PERKHIDMATAN PEDIATRIK

Penolong Pegawai Perubatan di dalam Perkhidmatan Pediatrik bertanggungjawab dan berperanan:

8.1. Melaksanakan saringan kes mengikut keutamaan dan menjadualkan janji temu mengikut tarikh yang diarahkan oleh Pegawai Perubatan / Pakar.[1]

